

Tang Jie-Valeree benam beregu No.16

Oleh MUHAMMAD RIDUAN
MOHD. HANAFIAH

BEREGU campuran negara, Chen Tang Jie-Valeree Siow membuktikan mereka berada dalam kelas tersendiri selepas berjaya menundukan pasangan dari Jepun, Yuki Kaneko-Misaki Matsutomo pada Terbuka Malaysia semalam.

Meskipun baru digandingkan dalam tiga kejohanan, namun beregu negara itu tampil agresif menundukan pasangan No.16 dunia selepas mengharungi pertarungan sengit yang berlarutan hingga ke rubber-set.

Lebih membanggakan pasangan negara di ranking No.209 dunia itu berjaya menumbangkan pemenang pingat emas beregu wanita Olimpik Rio (2016), Matsutomo dengan keputusan 21-16, 14-21, 21-10.

Kata Tang Jie, mereka, mereka terpaksa melakukan persia-

pan rapi apabila sedar pasangan dari Jepun tersebut akan bermain dengan cukup baik dengan mengurangkan kesilapan pada setiap set perlawanan.

"Saya harap setiap hari adalah hari saya. Sudah pasti saya sangat gembira dengan kemenangan ini terutama kehadiran penyokong sekali gus memberi motivasi kepada saya dan Valereen bermain dengan lebih baik dan membantu kemenangan kepada kami hari ini (semalam).

"Perkara paling penting pada hari ini kami bermain dengan baik dan saya juga mampu kuasai bahagian depan dengan cukup sempurna, sekali gus memberi kesukaran kepada pasukan lawan untuk membaca permainan kami pada hari ini," katanya sejurus tamat perlawanan.

Tang Jie turut berharap kemenangan itu sedikit sebanyak dapat membantu meningkat-

kan momentum permainan lebih baik, sekali gus melangkah ke peringkat lebih jauh.

"Sudah pasti kemenangan ini sedikit sebanyak membantu keyakinan kepada kami tetapi perlu ingat kerana tugas kami belum selesai. Saya rasa banyak lagi kami perlu tingkatkan dan tidak semestinya menang satu perlawanan kami sudah kuat. Kami perlu perbaiki tahap permainan kami," tambahnya.

Sementara itu, beregu wanita negara, Pearly Tan-M. Thinaah turut mara ke pusingan kedua selepas berjaya menewaskan pasangan dari China, Liu Xuan Xuan-Xia Yu Ting dengan keputusan 22-20, 21-14 dalam tempoh 42 minit.

Itu adalah kemenangan kedua buat pasangan beregu negara itu selepas berjaya menewaskan beregu wanita China itu ketika pada Terbuka Thailand pada Mei lalu.



TANG JIE (kanan) dan Valeree yang baru sahaja digandingkan sebagai beregu campuran melakar kejutan dengan menewaskan pasangan No.16 dunia pada Terbuka Malaysia.